



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP (NEGERI PAHANG)

Blok C, Wisma Belia,
25200 Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang

No. Telefon : 09-571 7777/ 7778
No. Faks : 09-571 7779/ 7780

KUANTAN, 29 Januari 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Pahang, telah bertindak menggagalkan cubaan aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi apabila sebuah kenderaan Lori *Bonded* muatan 3 tan ditahan ketika sedang mengisi Minyak Diesel di sebuah Stesen Minyak di sekitar kawasan Inderapura, Kuantan Pahang.

2. Dalam kejadian kira-kira jam 10.00 malam itu, sepasukan anggota Penguat Kuasa KPDN sedang membuat rondaan di bawah Ops Tiris 3.0 di stesen-stesen minyak sekitar Kuantan telah menemui sebuah kenderaan Lori yang sedang mengisi Minyak Diesel dalam keadaan mencurigakan. Hasil pemeriksaan lanjut ke atas kenderaan tersebut telah menemui sebuah tangki keluli tambahan yang disyaki diubah suai bersambung dengan tangki asal kenderaan untuk digunakan bagi aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi.

3. Pihak KPDN telah bertindak menahan seorang lelaki berbangsa India dalam lingkungan usia 30an dan menyita sejumlah anggaran 1,000 liter minyak diesel kerana disyaki memiliki barang kawalan (minyak diesel) dengan niat untuk melakukan kesalahan iaitu tidak memiliki permit kebenaran daripada Pengawal Bekalan. Turut disita adalah sebuah kenderaan lori *bonded* 3 tan bersama tangki keluli tambahan yang digunakan untuk tujuan tersebut bagi siasatan lanjut. Nilai keseluruhan rampasan adalah sebanyak RM50,823.00

4. Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 kerana disyaki memiliki barang kawalan (minyak diesel) dengan niat untuk melakukan kesalahan iaitu tidak memiliki permit kebenaran daripada Pengawal Bekalan. Sepanjang bulan Januari 2024, KPDN Pahang telah menghasilkan sebanyak 8 kes di bawah Ops Tiris 3.0 dengan nilai keseluruhan rampasan adalah sebanyak RM381,293.00

5. KPDN ingin memberi amaran keras terhadap mana-mana individu/syarikat yang berkaitan supaya sentiasa mematuhi perundangan yang telah ditetapkan. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah AKB 1961 dan jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM 1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM 3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta) bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 2,000,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Juta).

6. Pihak Kementerian juga mengalu-alukan agar para pengguna untuk sama-sama membantu menjadi mata dan telinga Kementerian dan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan oleh peniaga melalui :- <https://linktr.ee/kpdn>

JEZLILY BINTI JAMALUDDIN

Pengarah

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri

Dan Kos Sara Hidup Negeri Pahang

Tarikh: **30 JANUARI 2024**